



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN: **LJT 6 Jld 9/(18)**

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

3 November 2016

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMBERIAN INSENTIF BAGI PEMBELIAN SATU UNIT *DESKTOP PC/NOTEBOOK* DAN SATU UNIT *PRINTER*

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (Lembaga) telah menawarkan pemberian insentif bagi pembelian *desktop pc/notebook* kepada semua Jurukur Tanah Berlesen (JTB) pada tahun 2015. Memandangkan bahawa terdapat banyak permintaan dari kalangan JTB yang memerlukan peralatan tersebut untuk melengkapkan operasi pejabat masing-masing, maka sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga dalam mesyuaratnya yang ke-465 pada 2 November 2016 telah bersetuju memberi insentif kepada semua JTB bagi pembelian **satu unit *desktop pc/notebook* dan satu unit *printer***.

3. Insentif pembelian ini hanya ditawarkan **mulai dari tarikh surat ini sehingga 31 Disember 2016 sahaja. Jumlah insentif pembelian adalah berdasarkan harga sebenar pembelian tetapi jumlah tuntutan tertakluk kepada had maksimum sebanyak RM7,000** (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu sahaja). Berikut adalah syarat-syarat bagi permohonan pemberian insentif tersebut:

- 3.1 Permohonan perlu disertakan dengan **tax inbois atau resit** daripada pembekal.
- 3.2 Permohonan ini perlu menggunakan borang yang disediakan seperti di **Lampiran A dan dikemukakan kepada Lembaga Jurukur Tanah tidak lewat daripada 31 Disember 2016.**


4. Sehubungan dengan ini juga adalah dimaklumkan bahawa pemberian insentif/subsidi seperti perkara di bawah adalah dihentikan pada 31 Disember 2016:

- 4.1 Pemberian subsidi bagi membeli peralatan ukur GNSS dan peralatan dan perisian *Field to Finish* (ruj. surat LJT 6 Jld 9/(4) bertarikh 20 Januari 2015).
- 4.2 Pemberian insentif bagi pembelian *Desktop PC/Notebook* dan perisian *Computer Aided Design (CAD)* (ruj. surat LJT 6 Jld. 9/(12) bertarikh 2 November 2015).
- 4.3 Pemberian subsidi bagi membeli peralatan ukur Total Station bagi Tahun 2016 (ruj. surat LJT 534/(1) bertarikh 1 Ogos 2016).

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k YBhg. Dato' Sr Hasan bin Jamil, *DIMP, JMW, AMN*
Pengerusi
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

LAMPIRAN A

LEMBAGA JURUKUR TANAH
MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN
PEMBELIAN SATU UNIT *DESKTOP PC/NOTEBOOK*
DAN SATU UNIT *PRINTER***

1. Butiran JTB

- 1.1 Nama :
- 1.2 Nama Firma :
- 1.3 Alamat Pejabat:

2. Butiran Pembelian Satu Unit **Desktop PC / Notebook*
(sila sertakan Tax Invoice atau Resit sebagai bukti)

- 2.1 Model :
- 2.2 No Siri :
- 2.3 Pembekal :
- 2.4 Harga Belian :
- 2.5 Tarikh Pembelian :

*** *potong yang tidak dikenakan***

3. Butiran Pembelian Satu Unit *Printer*
(sila sertakan Tax Invoice atau Resit sebagai bukti)

- 3.1 Model :
- 3.2 No Siri :
- 3.3 Pembekal :
- 3.4 Harga Belian :
- 3.5 Tarikh Pembelian:

4. JUMLAH TUNTUTAN : RM _____

(Ringgit Malaysia: _____)

5. Perakuan

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat di atas adalah benar.

.....
(Tandatangan dan cop JTB)

Tarikh :